# Qabliyah Jumaah (Solat Sunnah Sebelum Jumaat) Sunnah Atau Bid'ah?

Oleh:

Rasul bin Dahri
(Abu Farouq)

بسم الله الرحمن الرحيم

**Soalan:**

**Petama:** Assalamu-alaikum wa-rahmatullahi wa-barakatuh. Apa hukumnya mengerjakan solat setelah azan pertama di hari Jumaat dikumandangkan, iaitu mengerjakan solat qabliyatul Jumaah (solat rawatib sebelum Jummat)? Adakah sunnah hukumnya, makruh atau haram? Apakah dalil-dalilnya dari syara?

**Kedua:** Apakah ada solat tahiyatul masjid setelah azan Jumaat?

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

انَّ الْحَمْدَ لله ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ .

{يَااَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} {يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءً ، وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَآءَ لُوْنَ بِهِ وَالاَرْحَامَ ، انَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} . { يَااَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا ، يُصْلِحْ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ ، وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ ، وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَفَوْزًا عَظِيْمًا} . اَمَّا بَعْدُ:

فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَاَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرَّ الاُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، فَاِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

## BID'AHNYA QABLIATUL JUMMAH

**Jawapan pertama:**

(1). Para aimmah yang muktabar yang menjadi contoh dan ikutan ummah, seperti Imam Malik, Abu Hanifah, Ahmad dan Imam as-Syafie *rahimahullah* tidak pernah memerintahkan agar mendirikan solat qabliyatul-Jumaah selepas azan Jumaat dikumandangkan. Malah beliau melarang solat sunnah setelah tergelincir matahari (setelah masuk azan Jumaat) kecuali tahiyatul masjid. Beliau berkata:

فَإِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ وَجَلَسَ اْلإِمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ وَأَذَنَ الْمُؤَذِّنُ فَقَدِ انْقَطَعَ الرُّكُوْعُ فَلاَ يَرْكَعُ أَحَدٌ إِلاَّ أَنْ يَاْتِيَ رَجُلٌ لَمْ يَكُنْ رَكَعَ فَيَرْكَعُ.

***"Maka setelah matahari tergelincir dan imam telah duduk di atas mimbar, serta tukang azan (muazzin) mengumandangkan azan, maka tidak ada lagi ruku' (solat). Maka janganlah seseorang ruku' (solat), melainkan seseorang yang datang (ke masjid) dalam keadaan belum ruku' (solat), maka hendaklah dia ruku' (solat tahiyatul masjid)".***[216]

---

[216]. Lihat al-Umm. Jld. 1. Hlm. 202.

Imam Syafie *rahimahullah* menegaskan, tidak ada solat qabliyatul Jumaah (tidak ada solat rawatib sebelum Jumaat) sebagaimana qabliyah Zohor (solat rawatib sebelum Zohor):

وَالْجُمُعَةُ لاَ سُنَّةَ لَهَا قَبْلَهَا.

***"Dan bagi solat Jumaat tidak ada solat sunnah sebelumnya.***[217]

Imam Syafie *rahimahullah* lebih memilih agar tidak didirikan solat qabliyah Jumaah setelah azan Jumaat dikumandangkan, atau tidak ada solat qabliyah setelah imam berada di atas mimbar, yang ada hanyalah solat tahiyatul masjid. Imam Syafie telah berkata:

وَأُحِبُّ أَنْ يَكُوْنَ اْلأَذَانُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ حِيْنَ يَدْخُلُ اْلإِمَامُ الْمَسْجِدَ ، وَيَجْلِسُ عَلَى مَوْضِعِهِ الَّذِيْ يَخْطُبُ عَلَيْهِ خَشَبٍ أَوْ جَرِيدٍ أَوْمِنْبَرٍ أَوْ شَيْءٍ مَرْفُوْعٍ لَهُ أَوْ اْلأَرْضِ ، فَإِذَا فَعَلَ أَخَذَ الْمُؤَذِّنُ فِي اْلأَذَانِ فَإِذَ فَرَغَ قَامَ فَخَطَبَ لاَ يَزِيْدُ عَلَيْهِ.

***"Dan lebih disukai agar dilaungkan azan dihari Jumaat diketika imam masuk ke dalam masjid, iaitu setelah duduk di atas tempat yang diperuntukkan untuk berkhutbah, sama ada diperbuat dari kayu, dari pelepah, di atas mimbar, di tempat yang tinggi atau di atas lantai. Setelah imam berada di tempat tersebut, maka tukang azan mengumandangkan azan, setelah itu imam bangun dan***

[217]. Lihat: الباعث hlm. 155.

***terus berkhutbah, tidak ada tambahan pada perkara tersebut".***

Jika seseorang itu berpegang dengan mazhab Syafie, ia pasti akan meninggalkan solat qabliyah Jumaat setelah azan Jumaat dikumandangkan, kerana imam Syafie telah memerintahkan agar meninggalkan solat qabliyah Jumaat dan meninggalkan perbuatan azan dua kali.

Dengan adanya azan dua kali, kebiasaannya setelah azan pertama, maka mereka yang berada di masjid akan mendirikan solat qabliyah Jumaat. Oleh itu, sewajarnya ditinggalkan kebiasaan azan dua kali dan solat qabliyatul Jummah, kerana Imam Syafie berkata: "Lakukanlah sekali sahaja (azan hendaklah sekali). Dan katanya lagi: Setelah imam bangun dan terus berkhutbah, tidak ada tambahan pada perkara tersebut (tiada solat qabliyah). Malah beliau menegaskan tentang azan dua kali:

فَاتْرُكْهُ لاَ بَأْسَ.

***"Maka tinggalkanlah (azan dua kali), kerana tidak menjadi apa-apa (tidak salah jika ditinggalkan. Pent)".***[218]

وَأَيُّهُمَا كَانَ فَالأَمْرُ الَّذِيْ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلُ الله أَحَبَّ إِلَيَّ.

***"Dan yang mana pun antara dua pendapat (pendapat Uthman azan dua kali dan Muawiyah azan sekali), maka***

[218]. Lihat: Al-Hawi al-Kabir. Jld. Hlm. 39. Mawardi.

***azan yang dilakukan dizaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam (azan sekali) lebih aku sukai".***[219]

(2). Berkata Abu Syamah: Sesungguhnya solat-solat sunnah adalah solat yang dinukil (diterima) dari Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam,* melalui perkataan atau amalan, namun solat qabliyatul-Jumaah (solat sebelum Jumaat) tidak pernah terdapat walau satu pun riwayat dari Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* yang membuktikan bahawa ia perbuatan sunnah.[220]

(3). Berkata Ibn Taimiyah *rahimahullah*:

أَمَّا النَّبِي صلى الله عليه وسلم فانه لم يكن يصلي قبل الجمعة بعد الأذان شيئا ، ولا نقل هذا عنه أحد . فان النبي صلى الله عليه وسلم كان لا يؤذن على عهده الا اذا قعد على المنبر ويؤذن بلال ثم يخطب النبي صلى الله عليه وسلم الخطبين ، ثم يقيم بلال فيصلي النبي صلى الله عليه وسلم بالناس . فما كان يمكن أن يصلي بعد الأذان ، لا هو ولا أحد من المسلمين الذين يصلون معه صلى الله عليه وسلم ، ولا نقل عنه أحد أنه صلى في بيته قبل الخروج يوم الجمعة.

[219]. Al-Umm. Jld 1. Hlm. 195.

[220]. Lihat: الباعث على البدع والحوادث hlm. 155.

***Ada pun Nabi sallallahu 'allaihi wa-sallam tidak pernah mengerjakan solat qabliyah al-Jumaah atau apa-apapun selepas azan Jumaat. Tidak pernah dinukil tentang walaupun dari seseorang. Sesungguhnya dimasa Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam tidak pernah dikumandangkan azan kecuali setelah baginda di atas mimbar. Setelah Bilal azan Rasulullah meneruskan dengan dua khutbah. Setelah itu bilal iqamah, maka Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam bersolat bersama sekalian manusia. Oleh yang demikian, maka tidak mungkin baginda dan tidak juga walau salah seorang dari kaum muslimin yang solat jamaah dengan baginda melakukan solat selepas azan. Tidak pernah seorangpun menukil bahawa baginda solat di rumahnya sebelum keluar ke masjid dihari Jumaat.***[221]

(4). Berkata Syeikhul Islam Ibn Qaiyim dan para ulama tentang larangan solat qabliyah Jumaah:

لا سنة للجمعة قبلها ، وهو أصح قولي العلماء وعليه تدل السنة.

***"Tidak ada sunnah untuk solat Jumaat sebelumnya (qabliyatul Jumaah). Itulah kata-kata ulama dan denganyalah petunjuk sunnah".***[222]

وقال : وهو مذهب الشافعي وعليه جماهير الأئمة ... فإذا لم يفعله ولم يشرعه كان تركه هو السنة.

---

[221]. Lihat: مجموع فتاوى jld. 24. Hlm. 188. Ibn Taimiyah.

[222]. Lihat: توضيح الأحكام من بلوغ المرام 2/345. Al-Basaam.

***"Beliau berkata lagi: Itu menurut mazhab Syafie yang diikuti oleh golongan aimmah (para imam) ......, maka apabila tidak dikerjakan oleh rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam dan tidak disyariatkan oleh baginda, pastinya meninggalkannya itu adalah sunnah".***[223]

Begitu juga pendapat para ulama kalangan mazhab Syafieyah terutama imam as-Syafie, Imam al-Hawi, al-Baghawi, Abu Hamid al-Gazali dan ia juga adalah merupakan ijmak[224] bahawa:

وإذا جلس الامام على المنبر انقطع التنفل.

***"Dan apabila imam telah duduk di atas mimbar, maka putus (tiada lagi) solat sunnah (qabliyah)".***[225]

(5). Berkata Abdullah bin Abdulrahman al-Basaam bahawa tidak ada solat rawatib qabliyah Jumaah, beliau menukil:

ولا سنة راتبة للجمعة قبلها ، فإن النبي صلى الله عليه وسلم كان يخرج من بيته ويصعد المنبر ثم يأخذ بلال فى الأذان ، فإذا كمله أخذ النبي صلى الله عليه وسلم في الخطبة من غير فصل.

---

[223]. Ibid.

[224]. Lihat: كتاب المجموع شرح المهذب للشيرازي. 4/427-428. An-Nawawi.

[225]. Lihat: المهذب فى فقه الامام الشافعي 1/377. Tahqiq Dr. Muhammad az-Zuhaily.

***"Tidak ada sunnah rawatib sebelum solat Jumaat, sesungguhnya Nabi sallallahu 'alaihi w-sallam setelah keluar dari rumahnya terus naik mimbar, lantas Bilal terus mengumandangkan azan, setelah sempurna azan, Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam terus berkhutbah tapa berlengah".*** [226]

---

[226]. Lihat: توضيح الأحكام من بلوغ المرام 2/345. Al-Basaam.

**Jawapan soalan kedua:**

Apabila seseorang masuk ke dalam masjid di hari Jumaat, walaupun imam masih dalam keadaan berkhutbah di atas mimbar, iaitu selepas dikumandangkan azan Jumaat, maka dikecualikan solat sunnah tahiyatul masjid, ia boleh dikerjakan walaupun imam sedang berkhutbah, sebagaimana penjelasan Imam An-Nawawi *rahimahullah* yang berdasarkan hadis dari Jabir:

فان دخل (رجل) - والامام على المنبر _ صلى تحية المسجد ، لما روي جابر ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : اذا جاء احدكم والامام يخطب فليصل ركعتين.

***"Maka jika sekiranya seorang lelaki masuk ke dalam masjid, sedangkan imam di atas mimbar, solatlah tahiyatul masjid. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Jabir, bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Apabila salah seorang dari kamu mendatangi masjid, sedangkan imam sedang berkhutbah, maka solatlah dua rakaat".***[227]

[227]. Lihat: كتاب المجموع شرح المهذب للشيرازي. 4/427. An-Nawawi.